

# Jadikan masjid untuk memperolehi ilmu

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahad



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Program Perkhemahan Belia (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (empat, kanan) semasa hadir pada Majlis Penutup Program Perkhemahan Belia di Masjid Lambak Berakas.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 25 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin antara lain berkata, dengan aktiviti-aktiviti pendidikan yang berdasarkan agama dan berpandukan Melayu Islam Beraja dalam Program Perkhemahan Belia, para belia telah memulakan Rumah Allah sebagai sumber untuk memperolehi ilmu keagamaan dan kemasyarakatan.

Yang Berhormat turut

menasihatkan para belia untuk sentiasa memegang kepada apa jua yang diambil daripada program itu ke arah mewujudkan rasa kebersamaan dan setia kawan, iaitu dalam sama-sama menjaga kedaulatan negara serta ketiaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan raja.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutup Program Perkhemahan Belia dan penyampaian sijil yang diadakan di Masjid Lambak Berakas.

"Alhamdulillah, dengan program ini juga, abis adik pun telah bertemu dengan kawan-kawan baharu dengan

bersembahyang secara berjemaah dalam setiap waktu; melakukan ibadat seperti bacaan Surah Yaa Siin bersama-sama, mahupun dengan mengikuti aktiviti lain bersama-sama.

Oleh itu, jadikanlah apa yang bis adik pelajari sebagai kebiasaan dari hari ini dengan niat yang betul. InsyaaAllah, program ini adalah detik awal ke arah memantapkan sejahteraan masyarakat dan negara yang mana akan mempersiapkan adik-adik sebagai Generasi Berwawasan Generasi Belia Cemerlang ke arah Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat.

Semamai 95 belia menyertai program berkenaan sempena cuti penggal perskolahan di Masjid Lambak Berakas selama empat hari bermula 22 Mac yang lalu.

Sementara itu, Pengerusi Program Perkhemahan Belia

Masjid Lambak, Awang Haji Mohd. Ashraf bin Haji Bujang semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei berkata, para peserta program telah berkhemah di persekitaran masjid berkenaan selama tiga malam di mana lebih kurang 15 khemah disediakan buat mereka.

"Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini adalah lawatan ke Taman Noor Hidayah dan Taman Eko Koridor serta kuliah agama dan motivasi. Di samping itu, kami juga mengadakan aktiviti walkaton," kata Awang Haji Mohd. Ashraf.

Menurut beliau, program tersebut adalah kali kedua diadakan dan para peserta terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah agama di kawasan Mukim Berakas.

Program Perkhemahan Belia tersebut dianjurkan oleh Masjid Lambak dengan tema 'Sentiasa Bersama di Masjid'.

# Laksanakan perubahan diperlukan dan relevan



PEGAUANG Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam Perundangan 2018 anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali bertempat di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun.

**GADONG,** Sabtu, 24 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang dengan kerjasama Asian Law Students Association (ALSA) dan Persatuan Mahasiswa Syariah dan Undang-Undang (ShaLawSoc) mengadakan Majlis Makan Malam Perundangan 2018 di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan ucapan al-aluan daripada Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA, Dr. Hajah Masnooraimi binti Haji Mohiddin. Diikuti dengan ucapan

Oleh : Noorati Haji Abas  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

pembukaan oleh Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati yang mana antara lain menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Majlis Haflut Takharruj UNISSA Kc-3, 2013 yang mana dalam titah baginda menekankan UNISSA turut memainkan peranan proaktif dalam usaha ke arah melaksanakan Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah, khasnya dalam menyediakan tenaga manusia yang diperlukan.

Justeru itu, Yang Berhormat berharap Fakulti Undang-Undang akan melaksanakan perubahan

yang diperlukan dan relevan ke dalam sukatan pelajaran untuk memastikan bahawa apa yang diajar di kelas mencerminkan perkembangan.

Majlis itu diserikan dengan persembahan sketsa oleh mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Majlis tersebut merupakan salah satu platform di mana mahasiswa-mahasiswi Fakulti Syariah dan Undang-Undang dapat berinteraksi secara langsung dengan para pengamal serta profesional undang-undang.

Ia juga untuk mendedahkan mahasiswa dan mahasiswi kepada kerjaya perundangan di Negara Brunei Darussalam.

# Sebar luaskan mesej kesedaran antidadah

Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Mac. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) melalui Kawangan Pendidikan Pencegahan Dadah dan Badan Pergerakan Mahasiswa / Mahasiswi Fakulti Sastera dan Sains Sosial (BPMFASS) Universiti Brunei Darussalam (UBD) sedang mengadakan acara 'Mari Gembira Dengan Hidup Bukan Dengan Dadah' (Get High on Life - Not on Drugs) yang berlangsung di Kompleks Sukan UBD, di sini.

Majlis dirasmikan oleh Pemangku Pengarah BKN, Awang Jaffari bin Haji Mahadi.

Semasa bercucup dan melancarkan projek *intern* tersebut, beliau berpendapat inisiatif sedemikian mampu menyebarkan mesej kesedaran atas penyalahgunaan dadah terutama sekali kepada aset negara iaitu golongan belia.

Manakala Pengerusi Acara, Dayang Nur 'Atikah Syafiqah binti Haji Mohd Roslani semasa menyampaikan kata-kata aluan pada pagi tersebut menjelaskan, acara berkenaan merupakan kesinambungan setelah penempatan mengikuti penempatan *intern* selama

dua bulan di bawah selian Kawangan Pendidikan Pencegahan Dadah, BKN.

Majlis berakhir dengan sesi lawatan ke petak aktiviti yang disertai oleh BKN sendiri yang mempamerkan jenis-jenis dadah dan hukuman bagi kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada serta pameran daripada para mahasiswa dan mahasiswi UBD.

Antara institusi pengajian tinggi dan pra-universiti yang turut dijemput bagi bersamasama menjayakan majlis ini adalah Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkong, PTE Meragang, PTE Tutong, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Politeknik Brunei, Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan, Cosmopolitan College of Commerce and Technology, Laksamana College of Business dan Universiti Teknologi Brunei.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Dekan Pelajar UBD, Awang Saidai bin Awang Hitam serta mahasiswa-mahasiswi FASS.



PEMANGKU Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Jaffari bin Haji Mahadi semasa menyaksikan Pameran Anti Dadah.